

## Garis Panduan Permohonan Kelulusan Jenis Komponen (*Component Type Approval - CTA*) Bagi Topi Keledar Motosikal

---

### LATARBELAKANG

1. Garis Panduan ini disediakan adalah untuk menerangkan prosedur Kelulusan Jenis Komponen melibatkan topi keledar motosikal untuk kegunaan di atas jalan raya sahaja iaitu selaras dengan ketetapan di bawah Seksyen 88(1)(s), Akta Pengangkutan Jalan 1987. Mana-mana topi keledar selain daripada topi keledar motosikal adalah diluar bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
2. Tujuan proses permohonan ini dilaksanakan adalah untuk mengawalselia dari aspek pembuatan, rekabentuk, penandaan, kualiti serta memastikan setiap model topi keledar motosikal tersebut adalah mematuhi standard mandatori yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
3. Sehubungan dengan itu, setiap model topi keledar motosikal tersebut adalah perlu mematuhi standard mandatori seperti mana yang telah diwartakan di dalam Kaedah-Kaedah Motosikal (Topi Keledar) 1973, iaitu seperti berikut :-
  - 3.1. Malaysia Standard - MS 1: *Specification for Protective Helmets for Vehicle Users* :atau
  - 3.2. Peraturan United Nations (UN) R22 : *Protective Helmets and Their Visors for Driver and Passengers of Motorcycles and Mopeds*
4. Merujuk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import), setiap topi keledar motosikal yang diimport ke pasaran Malaysia adalah diwajibkan mematuhi mana - mana standard mandatori seperti mana yang dinyatakan di dalam para 3 di atas.
5. Selaras dengan ketetapan di dalam Perintah Kastam tersebut, setiap pengimport topi keledar motosikal adalah perlu mendapatkan Kelulusan Jenis Komponen topi keledar motosikal daripada Bahagian Kejuruteraan Automotif - Ibupejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Malaysia.

### PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN JENIS TOPI KELEDAR MOTOSIKAL

1. Setiap permohonan Kelulusan Jenis Topi Keledar Motosikal hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif - Ibupejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Malaysia.
2. Permohonan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu seperti berikut :-
  - 2.1. Kategori A : Permohonan Kelulusan Jenis Komponen Topi Keledar Motosikal bagi **TUJUAN PERDAGANGAN**
    - 2.1.1. Dokumen Permohonan yang perlukan adalah seperti berikut :
      - Surat Permohonan Kelulusan (*Letter head* syarikat);
      - Borang Permohonan seperti di **Lampiran A**;
      - Salinan Sijil Pematuhan dan Laporan Pengujian Peraturan UN atau Malaysia Standard (MS) yang dikeluarkan oleh pihak berkompeten bagi setiap model topi keledar yang terlibat.

- Katalog / *Brochure* / Spesifikasi Teknikal bagi topi keledar yang terlibat (jika berkaitan);
  - Salinan Invois bersertakan Nombor Siri Pengeluaran setiap topi keledar yang terlibat (Nombor Siri Pengeluaran perlu dinyatakan di dalam Borang Permohonan); dan
  - 1 unit sampel topi keledar bagi setiap model topi keledar yang terlibat.
- 2.1.2. Dokumen permohonan yang lengkap dan sampel topi keledar yang terlibat perlu dikemukakan kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif, Ibupejabat JPJ Putrajaya sama ada melalui pos atau kaunter.
- 2.1.3. Tempoh masa memproses permohonan ini adalah tidak lebih daripada 7 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima. Sekiranya permohonan tersebut tidak lengkap atau terdapat maklumat yang tidak tepat, tempoh masa memproses akan dikira dari tarikh penerimaan pindaan dokumen / maklumat oleh pihak JPJ.
- 2.1.4. Pihak JPJ akan mengeluarkan Surat Kelulusan setelah semua keperluan dan syarat telah dipatuhi oleh pemohon terhadap model serta kuantiti topi keledar yang terlibat.
- 2.2. Kategori B : Permohonan Kelulusan Jenis Komponen Topi Keledar Motosikal bagi **TUJUAN PERSENDIRIAN / INDIVIDU / OFF-ROAD.**

- 2.2.1. Dokumen permohonan yang perlukan adalah seperti berikut :-
- Surat permohonan (perlu nyatakan Buatan & Model Topi Keledar, kuantiti, tujuan pembelian & No.Tel Pemohon);
  - Salinan Notis Penahan Topi Keledar daripada Kastam;
  - Invois pembelian atau resit pembelian Topi Keledar (jika berkaitan); dan
  - Gambar Topi Keledar yang terlibat.
- 2.2.2. Dokumen permohonan yang telah lengkap perlu dikemukakan kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif, Ibupejabat JPJ Putrajaya sama ada melalui kaunter atau emel kepada pegawai JPJ yang terlibat iaitu seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pegawai JPJ</b>	<b>Alamat Emel</b>	<b>No.Tel</b>
1.	Mohd Ramdan Bin Muhamad	ramdan@jpp.gov.my	03-88928818
2.	Mohd Nizar Bin Kassim	mohdnizar@jpp.gov.my	03-88928814

- 2.2.3. Tempoh masa memproses permohonan ini adalah tidak lebih daripada 7 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima. Sekiranya permohonan tersebut tidak lengkap atau terdapat maklumat yang tidak tepat, tempoh masa memproses akan dikira dari tarikh penerimaan pindaan dokumen / maklumat oleh pihak JPJ.
- 2.2.4. Pihak JPJ akan mengeluarkan Surat Maklumbalas setelah semua keperluan dan syarat telah dipatuhi oleh pemohon terhadap model serta kuantiti topi keledar yang terlibat.

3. Sebarang penghantaran dokumen yang berkaitan dengan permohonan ini hendaklah dikemukakan kepada alamat seperti berikut :-

**Pengarah  
Bahagian Kejuruteraan Automotif  
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia  
Aras 4, No. 26, Jalan Tun Hussein  
Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya**

*Disediakan oleh :-  
Bahagian Kejuruteraan Automotif  
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)  
Malaysia*

**BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF  
IBU PEJABAT JABATAN PENGANGKUTAN JALAN, MALAYSIA**

---

**BORANG PERMOHONAN KELULUSAN JENIS (TYPE APPROVAL) BAGI TOPI KELEDAR**

---

**A) KATEGORI PEMOHONAN:**

1. Individu (      )
2. Syarikat (      )

- Sila tandakan ( √ ) pada kotak yang berkaitan.
- Permohonan individu adalah untuk kegunaan sendiri sahaja dan bukan untuk tujuan perniagaan atau pasaran tempatan.

**B) BUTIRAN PEMOHON:**

1.	Nama Syarikat / Pemohon	
2.	Alamat	
3.	No.Telefon	
4.	No.Faks	

**B) JADUAL PEMATUHAN SYARAT PERMOHONAN\***

\* Nota : Sila gunakan jadual yang berasingan sekiranya mempunyai model lebih daripada satu.

**1. MAKLUMAT ASAS TOPI KELEDAR MOTOSIKAL :**

Bil.	Perkara		KETERANGAN
1.	Buatan		
2.	Model		
3.	Topi Keledar	No. Kelulusan Peraturan <b>UN</b> / MS	
		Tarikh Laporan Kelulusan Peraturan <b>UN</b> / MS	
4.	Visor	No. Kelulusan Peraturan <b>UN</b> / MS	
		Tarikh Laporan Kelulusan Peraturan <b>UN</b> / MS	

**2. BUTIRAN LENGKAP TOPI KELEDAR MOTOSIKAL :**

Saiz	No. Siri Pengeluaran Top Keledar	KUANTITI (UNIT)

### C) PERAKUAN PERMOHON :

Saya / kami dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar. Jika terdapat sebarang maklumat yang tidak benar, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah berhak menolak dan membatalkan permohonan yang dikemukakan ini dengan serta merta.

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Tarikh** :

---

### SENARAI SEMAK DOKUMEN/ITEM YANG PERLU DIKEMUKAKAN :

Bil.	Dokumen	(√)
1.	Borang Permohonan	
2.	Surat Permohonan	
3.	Salinan Laporan Pengujian Peraturan UN R22 atau MS1	
4.	Gambar Topi Keledar (Kategori Permohonan Individu sahaja)	
5.	Sampel Topi Keledar (Kategori Permohonan Syarikat sahaja)	

### Catatan :

Kuantiti sampel topi keledar yang diperlukan adalah seperti berikut:

- a) **1 unit sampel** untuk pemohon yang mengimport topi keledar/tahun/model.